



KEMENTERIAN DALAM NEGERI  
JABATAN PENDAFTARAN NEGARA

**MAKLUMBALAS MEDIA  
JABATAN PENDAFTARAN NEGARA**

**“RIBUAN RAKYAT HIDUP SEPERTI PELARIAN”**

---

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) merujuk kepada artikel bertajuk “Ribuan Rakyat Hidup Seperti Pelarian” di akhbar Kosmo pada 14 Jun 2023 (Rabu).

Berhubung laporan tersebut JPN ingin mengingatkan orang ramai di mana sekiranya perkahwinan yang berlaku tidak mengikut undang-undang Malaysia ianya harus didaftarkan semula bagi memastikan perkahwinan tersebut diiktiraf. Kegagalan mendaftarkan semula perkahwinan akan menyebabkan timbulnya isu ketika proses mendaftarkan kelahiran anak kelak.

JPN sentiasa komited dan secara berterusan sentiasa menyampaikan maklumat untuk meningkatkan kesedaran awam supaya rakyat di luar sana menguruskan hal-hal pendaftaran bukan sahaja pendaftaran perkahwinan malah berkaitan dokumen pengenalan diri lain dengan sewajarnya mengikut ketetapan Perlembagaan dan Undang-undang yang berkuat kuasa.

JPN juga melalui Program Menyemai Kasih Rakyat (MEKAR) bergerak aktif turun ke setiap pelosok negara bagi memberikan khidmat nasihat serta membantu proses pengeluaran dokumen pengenalan diri secara sah dan teratur kepada yang layak namun mempunyai halangan untuk hadir berurus di Pejabat-pejabat JPN. Inisiatif ini diambil bagi memastikan agar mereka memperoleh dokumen pengenalan diri dan sekali gus dapat menikmati kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan. Semua pihak juga diseru untuk memainkan peranan bersama-sama JPN bagi menyampaikan informasi berkaitan dan seterusnya meningkatkan kesedaran awam.

Masyarakat juga harus mengetahui bahawa semua kelahiran yang berlaku di Malaysia hendaklah didaftarkan dalam masa yang ditetapkan supaya maklumat dapat direkodkan dan anak-anak tersebut mempunyai satu dokumen pengenalan diri meskipun sijil kelahiran tersebut berstatus bukan warganegara.

---

Manakala bagi isu kewarganegaraan yang sering kali menjadi perdebatan umum pada masa kini, JPN ingin menegaskan tidak semua individu yang dilahirkan di Malaysia boleh memperolehi kewarganegaraan secara automatik. Kewarganegaraan seseorang individu di negara ini ditentukan berdasarkan taraf kewarganegaraan ibu bapa individu berkenaan dan status perkahwinan ibu bapa yang sah berdaftar mengikut undang-undang negara sewaktu kelahiran berlaku.

Sekiranya anak yang dilahirkan tidak layak mendapat kewarganegaraan Malaysia secara automatik), ibu bapa kepada kanak-kanak tersebut, masih berpeluang untuk memohon kewarganegaraan Malaysia bagi anaknya (secara pendaftaran di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan) selagi anak mereka berumur di bawah 21 tahun. Mereka perlu memenuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan (Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 [L.N.82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuat kuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, kesahtaraan anak, dan peraturan imigresen).

JPN ingin mengingatkan kepada orang ramai, elakkan berurusan dengan orang tengah atau pihak yang mengaku sebagai agen atau wakil dalam menjalankan sebarang urusan bagi mendapatkan dokumen-dokumen pengenalan diri yang dikeluarkan oleh Jabatan ini. JPN mempunyai 212 buah Pejabat di seluruh Malaysia dan orang ramai boleh hadir sendiri ke mana-mana Pejabat tersebut bagi mendapatkan khidmat nasihat berkaitan pendaftaran dokumen pengenalan diri, mahupun hal-hal kewarganegaraan, pengangkatan dan perkahwinan.

## **JABATAN PENDAFTARAN NEGARA**

**14 JUN 2023**

---

*Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah sebuah Jabatan di bawah Kementerian Dalam Negeri yang bertanggungjawab mendaftar peristiwa-peristiwa penting setiap individu seperti maklumat kelahiran, kematian, pengangkatan, perkahwinan dan perceraian. Di samping itu, JPN juga bertanggungjawab dalam menentukan taraf kewarganegaraan dan seterusnya mengeluarkan dokumen identiti individu dalam bentuk kad pengenalan kepada mereka yang layak.*

*Dikeluarkan Oleh: Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Pengarah  
Jabatan Pendaftaran Negara  
Telefon: 03-8880 7077 | E-mel: pro@jpn.gov.my*